

25 JAN 2002

Mahathir-Tertib

DR MAHATHIR MAHU UMNO TERTIB UNTUK TERUS CAPAI KEJAYAAN

MELAKA, 25 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu setiap anggota Umno bergerak dalam satu organisasi yang tertib dan tersusun untuk terus mencapai kejayaan dalam pilihan raya.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno itu berkata faktor kejayaan sesebuah parti ialah kerana anggotanya berdisiplin, tahu berperanan dalam memberi sumbangan dan berkomitmen serta patuh kepada ketua.

"Sedikit-sebanyak kita telah mencapai matlamat itu kerana kita tahu dalam pilihan raya umum atau pilihan raya kecil kita boleh memberi arahan dari peringkat pusat untuk menggerakkan jentera parti," katanya ketika berucap merasmikan kursus untuk Pengerusi dan Setiausaha bahagian-bahagian Umno dari seluruh negara yang dianjurkan Biro Latihan Umno di sini hari ini.

Kursus tiga hari itu yang bermula semalam dihadiri kira-kira 320 Pengerusi dan Setiausaha dari 165 bahagian Umno. Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam yang juga Pengerusi Pusat Biro Latihan Umno.

Dr Mahathir berkata Umno mempunyai susunan organisasi yang amat tertib sehingga banyak parti komponen yang lain, bahkan parti lawan, meniru susunan parti itu.

"Kalau kita berkesan hari ini sehingga dapat memerintah negara dari sebelum merdeka dan tidak sekali pun tewas di peringkat pusat, sebabnya ialah kita mempunyai organisasi yang tertib," katanya.

Beliau berkata kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Indera Kayangan di Perlis baru-baru ini juga kerana jentera parti digerakkan bukan sahaja di Indera Kayangan.

"Untuk membantu BN, kita gerakkan jentera dari tempat lain yang kita hantar ...kita lihat betapa berkesan jentera itu kerana ia bergerak dengan mengikut arahan dari pihak yang dipilih untuk mengurus segala usaha untuk memenangi pilihan raya kecil itu.

"Sebaliknya, kita lihat kekalahan di Lunas, Kedah, kerana tidak ada jentera tempatan dan bahagian yang tersusun rapi dan apabila bahagian tidak tersusun rapi agak sukar bahagian lain menolong," katanya.

Beliau juga berkata perjuangan dalam parti tidak seharusnya untuk mendapat tempat atau jawatan tertentu dalam parti.

"Kalau kita sudah lupa akan pentingnya perjuangan untuk menjayakan parti tetapi sebaliknya untuk mencapai cita-cita besar mengejar jawatan, maka alamatnya parti akan hancur," katanya.

Beliau berkata jawatan dalam Umno bukan untuk memberi tempat kepada individu tertentu tetapi jawatan itu diwujudkan untuk memberi kesan dan kekuatan kepada parti.

-- BERNAMA

NO SBS NMO